

13 NOV 2003

Dewan-Melaka (PM)

DUN MELAKA RAKAM TERIMA KASIH PADA DR MAHATHIR DAN TAHNIAH PADA PM

MELAKA, 13 Nov (Bernama) -- Persidangan Dewan Undangan Negeri kesepuluh hari ini merakamkan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan tahniah kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atas pelantikannya sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima.

Usul terima kasih itu dibentangkan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan disokong serta diluluskan oleh semua anggota dewan termasuk empat wakil pembangkang.

Terdahulu semasa membentangkan usul itu, Ketua Menteri berkata ketokohan dan kebijaksanaan Dr Mahathir menunjukkan beliau seorang pemimpin yang unggul dan jasanya kepada negara dan Melaka begitu banyak.

"Semua rakyat Malaysia seharusnya bersyukur kerana negara kita dianugerahkan seorang pemimpin yang mempunyai sifat-sifat terpuji dan berkebolehan luar biasa seperti Tun Dr Mahathir bin Mohamad," katanya.

Sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri Malaysia keempat, Dr Mahathir berjaya meningkatkan imej bangsa dan negara di mata dunia termasuk membawa pelbagai pembangunan dan perubahan, katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri akan menjemput Dr Mahathir dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali ke Melaka untuk menghadiri majlis penghargaan negeri dan menjemput semua rakyat termasuk pembangkang menyertai majlis berkenaan.

Ketua Menteri berkata Abdullah pula merupakan seorang pemimpin yang disegani pemimpin lain termasuk dari luar negara kerana pengalamannya sewaktu menjadi Menteri Luar.

"Dengan latar belakang keluarga ulama, beliau mempunyai keistimewaan tersendiri dan diyakini akan terus memacu kejayaan negara untuk menjadi lebih cemerlang, gemilang dan terbilang," katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri juga akan meraikan Perdana Menteri yang akan diadakan tidak lama lagi.

Sewaktu menyokong usul itu, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri Datuk Wira Poh Ah Tiam berkata Dr Mahathir ialah "Bapa Pemodenan Malaysia" kerana berjaya mengubah negara ini daripada sebuah negara pertanian menjadi negara perindustrian.

Poh yang juga Pengerusi MCA negeri berkata seluruh masyarakat Cina di Melaka merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana jasanya selama ini dan yakin dengan Perdana Menteri kelima iaitu Abdullah, dan diharap dapat meneruskan kejayaan negara.

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri yang juga Pengerusi MIC negeri Datuk R Raghavan berkata seluruh masyarakat India akan sentiasa mengenang jasa Dr Mahathir dan menyokong sepenuhnya kepada kepimpinan Abdullah.

Ketua Pembangkang Sim Tong Him (DAP-Bandar Hilir) turut memuji proses peralihan kepimpinan negara yang berlaku pada 31 Okt lepas berjalan dengan lancar dan baik.

"Dengan peralihan kuasa yang lancar dan licin itu, diharap kejayaan dapat diteruskan oleh Perdana Menteri yang baru iaitu Pak Lah," katanya.

Turut mengambil bahagian dalam perbahasan usul itu ialah Betty Chew Gek Cheng (DAP-Durian Daun), Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian negeri Datuk Ibrahim Durum, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan negeri Datuk Hamdin Abdollah, Datuk Abdul Kadir Daud (BN-Durian Tunggal), Datuk Abdul Azis Abdul Ghani (BN-Sungai Rambai) dan Speaker Datuk Wira Amid Nordin.

Persidangan Dewan disambung ke satu tarikh yang belum ditetapkan.
-- BERNAMA
SBS RHM